

ANALISIS STRATEGI SUMBER RUJUKAN KESANTUNAN DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT

*(Analysis of Reference Source Strategies in Linguistic Politeness
in Friday Sermon Texts)*

Khairul Ashraaf Saari¹   

khairulashraaf@unisza.edu.my

Nur Fairuz Ahmad Fuad²

nurfairuz@uptm.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300
Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.¹

Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia,
56100 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.²

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Khairul Ashraaf Saari, &
Nur Fairuz Ahmad Fuad. (2026). Analisis strategi sumber rujukan
kesantunan dalam teks khutbah Jumaat. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 183–206.
[https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no7)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh:	25/7/2026	Semakan:	18/6/2026	Terima:	26/6/2026	Terbit dalam talian:	30/6/2026
Received:		Revised		Accepted:		Published online:	

Abstrak

Strategi sumber rujukan merupakan satu daripada strategi kesantunan berbahasa yang berfungsi untuk menilai tahap autoriti kandungan dalam sesuatu teks ucapan. Analisis terhadap penggunaan strategi sumber rujukan membolehkan tahap ketepatan dan kebenaran maklumat yang digunakan dalam teks ucapan dakwah, khususnya teks khutbah, dinilai. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah. Kajian ini menggunakan kategori sumber rujukan yang diperkenalkan oleh Noriati Abdul Rashid (2013). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat enam strategi sumber rujukan, iaitu strategi

sumber rujukan Islam, strategi sumber rujukan sejarah, strategi sumber rujukan umum, strategi sumber rujukan ilmuwan, strategi sumber rujukan buku dan strategi laporan media. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi sumber rujukan Islam dan strategi rujukan ilmuwan mencatatkan peratusan tertinggi kerana kedua-duanya bersandarkan rujukan primer yang berautoriti serta pandangan ulama dalam teks khutbah.

Kata kunci: Strategi sumber rujukan, kesantunan berbahasa, khutbah Jumaat, dakwah, kategori sumber rujukan, autoriti

Abstract

Reference source strategies is one of the linguistic politeness strategies that functions to establish the authority of content in a speech text. Analysing the use of reference source strategy enables the accuracy and validity of the information presented in religious speech texts, particularly Friday sermons. Accordingly, this study was conducted to identify reference source strategies employed in Friday sermon texts. The study adopts the reference source categories proposed by Noriati Abdul Rashid (2013). The findings reveal six reference source strategies, namely Islamic reference sources, historical reference sources, general reference sources, scholarly reference sources, book reference sources, and media report reference sources. The results indicate that Islamic reference sources and scholarly reference sources were the most frequently employed strategies, as both rely on authoritative primary sources and the views of Islamic scholars in sermon texts.

Keywords: Reference source strategies, linguistic politeness, Friday sermon, dakwah, reference source categories, authority

PENDAHULUAN

Kesantunan berbahasa amat dititikberatkan oleh masyarakat Malaysia, khususnya bagi etnik Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi perihal kesantunan, kesopanan dan kehalusan budi pekerti yang diamalkan ketika berinteraksi. Namun begitu, perbincangan yang melibatkan konsep kesantunan ini dapat merangkumi makna yang lebih luas. Menurut Abd Ganing Laengkan et al. (2019), nilai kesantunan tidak terletak pada kelembutan dan kehalusan suara, sebaliknya terletak pada kebenaran dan kejujuran maklumat yang disampaikan. Kebenaran maklumat yang disampaikan ini mampu memberikan nilai kesantunan berbahasa yang tinggi. Hal ini juga bertepatan dengan maksim kualiti yang diperkenalkan

oleh Grice (1975) dalam prinsip kerjasama. Prinsip kerjasama membahagikan kesantunan berbahasa kepada empat maksim, iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim hubungan dan maksim cara. Pematuhan terhadap setiap maksim ini dapat memastikan setiap maklumat yang disampaikan oleh penutur dapat diterima dengan jelas dan tepatnya. Menurut Leech (1988), prinsip kerjasama yang digagaskan oleh Grice ini dapat mengurangkan kebingungan akibat penggunaan pendekatan semantik yang berteraskan kebenaran.

Menurut Grice (1975), dalam maksim kualiti, seseorang penutur seharusnya menyampaikan mesej yang benar dan mesej tersebut seharusnya dapat dibuktikan dengan kukuhnya tentang kesahan maklumat yang disampaikan. Pada masa yang sama, perbincangan yang berkaitan dengan kebenaran maklumat ini juga turut dibincangkan oleh Noriati Abdul Rashid (2013) menerusi kategori sumber rujukan. Kategori ini memperincikan sebanyak lapan jenis kategori kesantunan dan satu daripada kategori tersebut ialah kategori rujukan sumber. Kategori rujukan sumber merupakan pengesahan sumber yang disampaikan oleh penutur apabila menyampaikan satu-satu ucapan kepada khalayak. Sesuatu ucapan atau maklumat yang disampaikan, khususnya dalam ucapan umum, seperti khutbah Jumaat, haruslah disampaikan pada tahap kebenaran yang tinggi. Kebenaran ini merujuk sumber autentik data yang disampaikan dan tidak mencampuradukkannya dengan pendapat peribadi yang memungkinkan berlaku bias penyampai.

Sejak awal era 1980-an, Malaysia mengamalkan dasar Islamisasi dengan menjadikan khutbah sebagai medium untuk menyebarkan maklumat dan pendapat kerajaan, serta institusi keagamaan (Mohd Al Adib Samuri & Hopkins, 2017). Namun begitu, mesej penyampaian ketika khutbah Jumaat memacu kepada beberapa kritikan yang disampaikan. Hal ini boleh dirujuk menerusi Zaleha (2000) seperti yang dinyatakan dalam Mohd Azizon Noordin dan Zulkefli Haji Aini (2017), iaitu pendengar terkeliru terhadap mesej yang hendak disampaikan oleh khatib, sama ada mesej tersebut kehendak Islam sebenar atau kehendak khatib, dan sekutunya yang mempunyai tujuan tertentu yang tersirat dalam khutbah berkenaan. Penyampaian tanpa rujukan dan sumber autentik ini mampu memberikan kesan terhadap inti pati penyampaian yang tidak sahih dan maklumat yang berunsur peribadi, serta sokongan bias terhadap sesuatu isu. Hal ini secara tidak langsung mampu menimbulkan konflik, seperti kekeliruan maklumat dan sandaran maklumat yang disampaikan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti strategi sumber rujukan dan menganalisis strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah Jumaat.

Khutbah Jumaat

Khutbah merupakan suatu medium dakwah yang disampaikan melalui ibadah khusus kepada kaum muslimin secara mingguan. Khutbah ini disampaikan oleh khatib yang berunsurkan nasihat atau pesanan agama (Kamsani Md Saad, 2021) bagi memperkukuh nilai penghayatan Islam khususnya dalam golongan muslimin. Selain itu, Soleh Abdullah Hamid (1999) mendefinisikan teks khutbah sebagai suatu teks yang disampaikan untuk mempengaruhi dan memujuk pendengar ke arah pemahaman agama Islam. Oleh itu, penyampaian khutbah ini bukan sekadar pematuhan terhadap satu rukun wajib dalam solat Jumaat, tetapi juga suatu saluran untuk memperkukuh penghayatan Islam. Menurut Mohd Fadzilah Kamsah (1991), peranan khutbah ini makin penting dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan masyarakat dan kecanggihan dan permasalahan yang dihadapi.

Di Malaysia, penyediaan khutbah Jumaat ini diselia oleh jawatankuasa teks khutbah pada peringkat pusat di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), manakala jabatan agama negeri pula bertanggungjawab untuk merancang tema dan tajuk khutbah untuk tempoh setahun (Munif Zarirruddin Fikri Nordin, 2023). Penyediaan isi kandungan dalam setiap teks khutbah ini haruslah lebih bersifat kontemporari dan banyak menyentuh berkenaan dengan isu semasa, sama ada yang berlaku di dalam negara atau di luar negara. Hal ini disokong oleh Siti Fatimah Awang (2021) yang menyatakan bahawa pihak JAKIM sentiasa memastikan inti pati teks khutbah Jumaat berkait dengan permasalahan yang sentiasa dihadapi oleh masyarakat semasa walaupun mungkin tidak dapat menarik perhatian sesetengah pihak. Hal ini bertujuan untuk memastikan penyampaian teks khutbah ini dapat dijadikan sebagai suatu wadah untuk mendidik dan membimbing masyarakat tentang kepentingan untuk berpegang pada al-Quran dan sunah. Hal ini turut disokong oleh Abu-Bakr Imam Ali-Agan (2016) yang menyatakan bahawa penyampaian khutbah mampu mendedahkan pendengar mengenai akhlak Islam dengan memberikan tumpuan terhadap aspek disiplin dan ketertiban dalam masyarakat.

KAJIAN LEPAS

Masyarakat Malaysia sangat terkenal dengan pengalaman kesantunan yang tinggi dan perkara ini dapat dilihat menerusi amalan budi bahasa yang diterapkan dalam pertuturan seharian. Amalan ini menjadi elemen penting dalam adab dan adat resam masyarakat yang seterusnya menjadi

tiang penguat keharmonian masyarakat multietnik. Menurut Kalthum Ibrahim dan Nur Faezah Kamaruzaman (2017), penggunaan bahasa yang sopan dapat mencerminkan pola berfikir yang lebih maju dan bertamadun dalam sesuatu masyarakat.

Kajian berkenaan dengan peranan khutbah ini dibincangkan oleh Khazri Osman dan Wan Nur Alia Najwa Wan Azman (2024) yang menyatakan bahawa khutbah berfungsi bukan hanya sebagai platform untuk menyebarkan ilmu agama, seperti fardu ain dan prinsip asas Islam, tetapi juga sebagai alat untuk memberikan panduan praktikal dan relevan kepada umat Islam. Kajian ini juga turut menekankan keperluan penyampaian khutbah yang relevan, kontekstual dan mudah difahami dan bukan hanya bergantung pada kandungan agama semata-mata, tetapi juga pada cara bahasa digunakan oleh khatib. Menurut pengkaji itu lagi, penyampaian khutbah perlu dilakukan dengan bahasa yang jelas, menarik dan sesuai dengan konteks sosial.

Selain itu, kajian berkenaan dengan teks khutbah Jumaat ini turut dibincangkan oleh Mizzuan Jafilus et al. (2021) dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan tematik terhadap teks khutbah Jumaat Negeri Sembilan yang disiarkan pada tahun 2019. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tema utama yang dibincangkan oleh khatib, serta isu keagamaan yang relevan terhadap kehidupan masyarakat muslim setempat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tema teks khutbah banyak memberikan penekanan terhadap aspek ibadah, moral dan akidah. Kebanyakan tema yang disampaikan menerusi teks khutbah ini dirangka untuk membentuk kesedaran agama dan motivasi terhadap umat Islam. Hal ini secara tidak langsung mampu menggalakkan pengamalan nilai agama secara praktikal dalam kehidupan seharian masyarakat.

Selain itu, Abdzahir et al. (2021) meneliti aspek linguistik dari sudut teks khutbah Jumaat. Pengkaji ini menggunakan teori lakuan tutur yang diperkenalkan oleh Austin dan Searle untuk menganalisis 184 minit data khutbah yang dirakam di 10 masjid di Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. Hasil kajian menunjukkan bahawa khatib Jumaat menggunakan pelbagai jenis tindak tutur, seperti asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif, sewaktu penyampaian khutbah. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa teks khutbah bukan sekadar teks ritual yang disampaikan secara mingguan, tetapi sebagai suatu bentuk interaksi linguistik yang berkesan bagi menyampaikan sesuatu isu kepada khalayak. Kebanyakan pengucapan khatib di Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan menggunakan

gaya menyampaikan arahan, nasihat, peringatan dan penegasan sewaktu menyampaikan khutbah kepada jemaah.

Penelitian kajian selanjutnya dilakukan oleh Badrol Hisham et al. (2023) tentang gaya retorik dalam khutbah Jumaat. Pengkaji ini menerapkan teori retorik moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993), dan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meneliti jenis, struktur dan gaya retorik yang terdapat dalam khutbah Jumaat. Pengkaji mendapati bahawa teks khutbah mengandungi pelbagai jenis retorik, seperti naratif, deskriptif, ekspositori, argumentatif dan persuasif, bagi menarik minat pendengar ketika khatib menyampaikan khutbah. Selain itu, gaya retorik, seperti perbandingan, hubungan dan perulangan konflik, digunakan untuk mempengaruhi pemikiran pendengar. Hal ini menunjukkan bahawa unsur retorik dalam teks khutbah merupakan suatu unsur penting yang digunakan oleh khatib untuk menyampaikan mesej dan memberikan kesan emosi kepada jemaah ketika penyampaian khutbah Jumaat.

Secara keseluruhan, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa khutbah Jumaat diteliti daripada pelbagai sudut, khususnya dari segi fungsi dakwah, tema kandungan, aspek linguistik melalui tindak tutur, serta unsur retorik dalam penyampaian mesej agama. Kajian Khazri Osman dan Wan Nur Alia Najwa Wan Azman (2024) menegaskan kepentingan bahasa yang relevan dan kontekstual dalam khutbah sebagai wasilah dakwah kontemporari, manakala kajian Mizzuan Jafilus et al. (2021) pula menumpukan analisis tema kandungan khutbah yang berorientasikan pembinaan ibadah, akidah dan moral masyarakat. Seterusnya, kajian Abdzahir et al. (2021) membuktikan bahawa khutbah berfungsi sebagai interaksi linguistik yang sarat dengan tindak tutur arahan, nasihat dan peringatan. Badrol Hisham et al. (2023) pula memperlihatkan peranan penting strategi retorik untuk mempengaruhi pemikiran dan emosi jemaah. Semua kajian ini secara kolektif membuktikan bahawa khutbah Jumaat merupakan medium komunikasi dakwah yang berautoriti dan berkesan bukan sahaja dari sudut kandungan, malah dari aspek penggunaan bahasa.

Walaupun bagaimanapun, penelitian terhadap kajian lepas juga memperlihatkan kekurangan kajian yang memberikan tumpuan secara khusus terhadap aspek kesantunan berbahasa. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh penggunaan bahasa, tindak tutur dan retorik, perbincangan tentang cara teks khutbah mengurus hubungan sosial dengan jemaah melalui pemilihan rujukan diri, rujukan kolektif dan bentuk sapaan yang santun masih kurang diberikan perhatian secara sistematik.

Hal ini penting kerana teks khutbah Jumaat disampaikan menerusi situasi komunikasi yang formal, berhierarki dan mempunyai unsur nasihat dan peringatan yang berpotensi untuk menimbulkan ancaman terhadap “air muka” pendengar sekiranya tidak diurus dengan strategi kesantunan yang sesuai. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengisi jurang tersebut dengan menganalisis strategi sumber rujukan kesantunan dalam teks khutbah Jumaat, khususnya dari sudut setiap rujukan inti pati yang digunakan.

METODOLOGI

Peranan teks khutbah sangat penting sebagai suatu medium dakwah umum yang disampaikan kepada kaum muslimin. Kajian ini menggunakan model kesantunan daripada Noriati Abdul Rashid (2013) bagi meneroka aspek kesantunan dalam teks khutbah Jumaat. Model ini dipilih kerana dibina berdasarkan keserasian dengan model yang sedia ada, seperti model prinsip kerjasama Grice (1975), model kesantunan Lakoff (1975), prinsip kesantunan Leech, konsep perbualan Fraser, model kesantunan Brown dan Levinson (1978), model perlakuan politik verbal Janney dan Arndt (1992) dan model Asmah (2000). Model kesantunan daripada Noriati Abdul Rashid ini merupakan model yang disesuaikan dengan input Islam yang berhubung dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti strategi sumber rujukan dan menganalisis strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah Jumaat menggunakan model daripada Noriati Abdul Rashid (2013).

Pengkaji memilih teks khutbah Jumaat sebagai data kajian yang dimuat turun daripada portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai data kajian. Sebanyak dua teks khutbah dipilih secara rawak, iaitu teks khutbah yang bertajuk “Wanita Beraspirasi Membina Legasi” yang dipaparkan pada 21 Februari 2025 dan “Islam Memerdekakan Wanita” yang dipaparkan pada 3 Mac 2017.

Pengkaji menggunakan kategori kesantunan yang diperkenalkan oleh Noriati Abdul Rashid (2013). Noriati Abdul Rashid menggunakan kategori ini untuk menilai aspek kesantunan bahasa dalam majlis pertunangan orang Melayu. Noriati Abd Rashid turut menggariskan sebanyak lapan jenis kategori kesantunan yang terdiri daripada 35 strategi kesantunan. Secara umum, Noriati Abd Rashid (2013) mengklasifikasikan lapan kategori strategi sumber rujukan yang ditemukan dalam kajiannya, dan satu daripadanya ialah strategi sumber rujukan. Kategori strategi ini

dibahagikan kepada lima strategi, iaitu strategi sumber rujukan rasul dan Islam, strategi sumber rujukan adat, strategi sumber rujukan tempat dan negeri, strategi sumber rujukan individu, keluarga dan masyarakat, dan strategi sumber rujukan maklumat lama. Penetapan setiap strategi yang diperincikan oleh Noriati Abdul Rashid ini berlandaskan aspek kesantunan bahasa yang berlaku dalam majlis pertunangan orang Melayu.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan pengelasan strategi dalam kategori strategi sumber rujukan ini, pengkaji membuat pengklasifikasian strategi sumber rujukan dan menganalisis strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah Jumaat. Pemilihan strategi sumber rujukan sumber ini dilakukan untuk membincangkan kesahihan setiap sumber teks khutbah yang disampaikan oleh khatib ketika penyampaian khutbah Jumaat. Pengkaji menggunakan pendekatan daripada Noriati Abdul Rashid (2013) bagi mengklasifikasikan strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah Jumaat. Pengaplikasian kerangka ini dijangka dapat merungkaikan cara teks khutbah memanfaatkan sumber rujukan, bukan sahaja untuk mengukuhkan kebolehpercayaan hujah, malah sebagai strategi kesantunan yang halus dalam menyampaikan teguran dan nasihat kepada jemaah.

ANALISIS DAN DAPATAN

Kesahan atau kebenaran satu-satu pernyataan mampu meningkatkan nilai kesantunan bahasa dalam teks yang disampaikan. Penyampaian teks dakwah haruslah mempunyai panduan dan sokongan daripada sumber yang berautoriti bagi memastikan setiap teks yang disampaikan itu mempunyai nilai kesantunan yang tinggi. Hal ini dapat dirujuk menerusi penyampaian dakwah dalam teks khutbah yang dianggap sebagai suatu wadah yang memiliki potensi yang sangat besar sebagai saluran penyampaian ajaran Islam yang perlu difahami oleh pendengar (Yusuf Hamdan, 2007).

Secara umumnya, pengkaji menemukan enam strategi sumber rujukan dalam teks khutbah Wilayah Persekutuan. Enam strategi sumber rujukan kesantunan tersebut ialah: (i) strategi sumber rujukan Islam, (ii) strategi sumber rujukan sejarah, (iii) strategi sumber rujukan umum, (iv) strategi sumber rujukan ilmuwan, (v) strategi sumber rujukan buku, dan (vi) strategi laporan media. Penetapan strategi sumber rujukan ini disesuaikan dengan data kajian, iaitu teks khutbah Jumaat berlandaskan definisi kerangka awal kategori strategi sumber rujukan daripada Noriati Abdul Rashid (2013).

Strategi Sumber Rujukan Islam

Rujukan Islam merujuk panduan yang dipilih daripada sumber al-Quran dan hadis. Strategi ini ditentukan berdasarkan ujaran yang merujuk sandaran ayat al-Quran dan hadis, atau terjemahan daripada kedua-duanya. Menurut Sulaiman Nordin (1995), maklumat rujukan daripada al-Quran dan hadis ini mampu meliputi keseluruhan perihal kehidupan manusia, seperti akidah, syariah dan akhlak. Pada masa yang sama, rujukan daripada al-Quran dan hadis ini merupakan rujukan primer dalam agama Islam yang bertujuan untuk membimbing dan memandu manusia bagi mencapai kesempurnaan hidup bermasyarakat. Hal ini disokong oleh Reva Sgeptiya Anjani (2023) yang menyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber utama yang mengandungi ajaran umum, sedangkan hadis pula merupakan sumber ajaran kedua yang bertujuan untuk menjelaskan pernyataan umum daripada al-Quran dalam agama Islam. Kedua-dua sumber ini menjadi landasan utama untuk seseorang itu menjalani kehidupan beragama, seterusnya membentuk peradaban Islam. Dalam kajian ini, strategi sumber rujukan Islam yang digunakan dalam teks khutbah Jumaat dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Data strategi sumber rujukan Islam.

Bil.	Petikan	Sumber	Penjelasan Inti Pati Ayat
1.	Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 2 ...	Al-Quran	Menyatakan dalil wahyu sebagai asas utama hujahan.
2.	Sabda Nabi SAW: “Tidak sempurna iman seseorang kamu ...”	Hadis	Menunjukkan pengukuhan prinsip moral daripada hadis.
3.	Dalam Surah al-Hujurat ayat 10, Allah menyebut tentang pentingnya persaudaraan ...	Al-Quran	Mengukuhkan seruan terhadap perpaduan melalui nas al-Quran.
4.	Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa umat Islam ibarat satu tubuh ...	Hadis	Menguatkan nilai kerjasama dalam komuniti Islam.
5.	Firman Allah dalam Surah al-Isra’ ayat 32 tentang larangan mendekati zina ...	Al-Quran	Memberikan garis panduan tentang etika dalam hubungan sosial.

sambungan **Jadual 1** Data strategi sumber rujukan Islam.

Bil.	Petikan	Sumber	Penjelasan Inti Pati Ayat
6.	Sabda Rasulullah SAW, ‘Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak ...’	Hadis	Menerangkan misi kenabian dalam pembentukan moral.
7.	Dalam al-Quran, Allah berfirman tentang pentingnya menjaga amanah ...	Al-Quran	Mengaitkan tanggungjawab sosial dengan tuntutan agama.

Dengan berdasarkan penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat penggunaan beberapa kata yang merujuk penggunaan strategi sumber rujukan Islam. Contohnya, penggunaan kata, seperti “Firman Allah SWT ...”, “Nabi Muhammad SAW bersabda ...” dan “Dalam Surah al-Hujurat ayat 10 ...” digunakan secara jelas untuk merujuk sumber autoriti ajaran Islam. Penggunaan kata sebegini secara tidak langsung mampu mengukuhkan kredibiliti setiap ayat yang disampaikan dan menunjukkan kepentingan penyampaian yang bersandarkan wahyu oleh khatib.

Jadual 1 memperlihatkan penggunaan strategi sumber rujukan autoritatif yang konsisten dalam teks khutbah. Daripada tujuh petikan yang dianalisis, rujukan al-Quran digunakan sebanyak empat kali, manakala rujukan hadis Nabi SAW digunakan sebanyak tiga kali. Dari segi fungsi, rujukan al-Quran lebih cenderung digunakan untuk menetapkan prinsip asas dan garis panduan normatif, seperti aspek persaudaraan, etika sosial dan amanah, sebaliknya rujukan hadis Nabi SAW pula berperanan untuk melengkapkan prinsip tersebut melalui contoh moral, nilai akhlak dan gambaran praktikal kehidupan bermasyarakat. Secara keseluruhan, analisis jadual ini menunjukkan bahawa strategi sumber rujukan Islam berperanan penting untuk memperkukuh hujah, membina autoriti wacana dan menyampaikan mesej secara berkesan dalam konteks komunikasi keagamaan.

Strategi Sumber Rujukan Sejarah

Sesuatu penerimaan maklumat dapat diperoleh menerusi perihal keadaan atau peristiwa yang berlaku di sekitar masyarakatnya. Pembuktian maklumat ini dapat disokong dengan bukti daripada sumber sejarawi berdasarkan peristiwa yang berlaku yang dirujuk sebagai rujukan sejarah. Menurut Abd Ganing Laengkang et al. (2019), rujukan bersumberkan

maklumat sejarah ini dapat dirujuk, seperti persoalan sejarah, peristiwa lepas atau sejarah yang baru tercipta, dalam sesuatu tempoh masa. Sehubungan dengan itu, sumber sejarah ini dapat diangkat sebagai suatu bentuk kesopanan yang dapat dibuktikan menerusi keadaan atau peristiwa yang berlaku dalam masa nyata. Kebiasaannya, strategi sumber rujukan sejarah ini dijadikan sebagai maklumat tambahan, seperti penceritaan kisah perjuangan yang berlaku dalam agama Islam. Menurut Fumerton (2006), pemerolehan sesuatu sumber informasi itu dapat dirujuk menerusi rujukan sejarawi melalui dua kaedah, iaitu persaksian daripada orang lain dan penyaksian diri sendiri (memori). Data strategi sumber rujukan sejarah dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Data strategi sumber rujukan sejarah.

Bil.	Petikan	Peristiwa/Tokoh	Penjelasan
1.	Dalam sejarah Islam, kejatuhan Andalusia berlaku kerana perpecahan umat ...	Sejarah kejatuhan Andalusia	Menjadi iktibar tentang bahaya perpecahan dalam masyarakat.
2.	Kisah penghijrahan Nabi SAW dari Mekah ke Madinah menjadi contoh perancangan strategik ...	Hijrah nabi SAW	Dijadikan model kepimpinan dan kesabaran.
3.	Perang Badar menjadi bukti kemenangan dengan iman dan tawakal ...	Perang Badar	Memberikan motivasi perjuangan dalam kesatuan.
4.	Ketika zaman Saidina Umar al-Khattab, beliau sangat menitikberatkan keadilan ...	Pemerintahan Umar al-Khattab	Contoh pemimpin Islam yang berakhlak tinggi.

Jadual 2 memperlihatkan penggunaan maklumat rujukan sejarah sebagai mekanisme pengukuhan hujah melalui peristiwa dan tokoh penting dalam sejarah Islam. Semua petikan yang dipaparkan merujuk peristiwa sejarah dan tokoh autoritatif yang mempunyai nilai simbolik tinggi dalam ingatan kolektif masyarakat Islam. Dari sudut fungsi wacana, rujukan sejarah digunakan dalam teks khutbah sebagai alat pengajaran (didaktik) dan peringatan (iktibar).

Pengkaji berjaya mengumpulkan sebanyak empat data teks yang merujuk sumber rujukan sejarah. Contohnya, penggunaan kata, seperti “Dalam sejarah Islam”, “Kisah penghijrahan Nabi SAW dari Mekah ke Madinah” dan “Ketika zaman Saidina Umar al-Khattab”. Jadual 2 menunjukkan bahawa kesantunan strategi sumber rujukan sejarah ini banyak menyandarkan ucapan pada fakta sejarah atau kisah yang pernah berlaku pada zaman sebelumnya. Penerapan strategi sumber rujukan sejarah ini secara tidak langsung bertindak sebagai teladan dan rujukan secara langsung kepada pendengar ketika dibaca oleh khatib.

Misalnya, rujukan “Dalam sejarah Islam, kejatuhan Andalusia berlaku kerana perpecahan umat ...” berperanan sebagai amaran terhadap kesan negatif perpecahan umat, manakala “Kisah penghijrahan Nabi SAW dari Mekah ke Madinah menjadi contoh perancangan strategik ...” dimanfaatkan sebagai model perancangan strategik, kepimpinan dan kesabaran. Selain itu, peristiwa Perang Badar dan pemerintahan Saidina Umar al-Khattab pula digunakan untuk menonjolkan nilai perjuangan, kesatuan, keadilan dan akhlak kepimpinan. Strategi ini membolehkan teks khutbah dikaitkan dengan nilai normatif Islam dengan contoh empirikal yang terbukti dalam sejarah, sekali gus mengukuhkan aspek pemujukan dalam wacana. Secara keseluruhan, strategi sumber rujukan sejarah berfungsi sebagai rujukan tidak langsung yang bersifat persuasif dengan memanfaatkan pengalaman lampau sebagai asas legitimasi hujah. Pendekatan dalam penerapan strategi sumber rujukan sejarah ini bukan sahaja memperkaya kandungan wacana, malah membantu pendengar untuk memahami mesej melalui analogi dan teladan sejarah yang dekat dengan kerangka pemikiran pendengar.

Strategi Sumber Rujukan Umum

Strategi rujukan umum didefinisikan sebagai suatu ucapan yang memperkatakan sesuatu maklumat tanpa menyatakan sumber rujukan dengan jelasnya. Sumber rujukan umum ini lebih merujuk pengetahuan umum dan sering ditandai dengan ayat “Kita semua tahu”, “ramai yang tahu”, “Kita semua melihat” dan “Sedia maklum bahawa”. Menurut Abd Ganing Laengkang et al. (2019), rujukan umum ini mempunyai nilai kebertanggungjawaban yang lebih rendah disebabkan oleh tidak mendedahkan identiti rujukan.

Walaupun tidak disandarkan pada rujukan khusus, maklumat rujukan umum ini bertindak sebagai pengetahuan bersama yang dikongsi antara

penutur dengan pendengar. Pengetahuan dan pengalaman yang telah terbina dalam kalangan masyarakat secara bersama-sama antara penutur dengan pendengar ini membolehkan mesej disampaikan dengan lebih berkesan tanpa memerlukan justifikasi tambahan. Namun begitu, penerapan strategi sumber rujukan umum ini memperlihatkan nilai kebergantungan teks yang tinggi terhadap konteks sosial dan latar pengalaman bersama bagi memastikan pendengar dapat memahami setiap maklumat yang ingin disampaikan. Data strategi sumber rujukan umum dalam kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3 Data strategi sumber rujukan umum.

Bil.	Petikan	Rujukan	Penjelasan
1.	Setiap manusia pasti akan mati ...	Kenyataan umum	Peringatan tentang kefanaan dunia.
2.	Masyarakat kini sedang dilanda pelbagai masalah sosial ...	Kenyataan umum	Menggambarkan realiti semasa umat Islam.
3.	Anak-anak muda mudah terpengaruh dengan budaya luar ...	Pemerhatian sosial	Merujuk cabaran mendidik generasi muda.
4.	Ramai antara kita lalai dalam menunaikan solat ...	Pemerhatian sosial	Seruan muhasabah kepada diri dan masyarakat.
5.	Perbuatan maksiat membawa kepada kehancuran individu dan masyarakat ...	Kenyataan umum	Menunjukkan kesan buruk maksiat secara kolektif.

Jadual 3 memaparkan penggunaan strategi sumber rujukan umum yang berasaskan kenyataan lazim dan pemerhatian sosial tanpa sandaran daripada sumber khusus. Dengan berdasarkan petikan dalam Jadual 3, penerapan sumber rujukan umum ini hanya memfokuskan pada pengetahuan bersama dan realiti yang mudah difahami oleh pendengar. Hal ini bertujuan untuk memastikan mesej yang disampaikan bersifat inklusif dan dekat dengan pengalaman seharian pendengar.

Selain itu, penggunaan strategi sumber rujukan umum ini mampu menunjukkan kepekaan teks khutbah terhadap konteks semasa masyarakat. Sumber kenyataan yang bersifat umum ini membolehkan teks khutbah yang disampaikan oleh khatib membina kesepakatan awal dengan

pendengar berkenaan dengan isu yang ingin diketengahkan dan diakui bersama. Secara keseluruhan, analisis Jadual 3 menunjukkan bahawa strategi sumber rujukan umum berfungsi sebagai pemudah kefahaman dan penerimaan mesej kepada pendengar, khususnya dalam penyampaian wacana dakwah.

Strategi Sumber Rujukan Ilmuwan

Strategi sumber rujukan ilmuwan merupakan rujukan ujaran yang disandarkan pada kata atau maklumat daripada tokoh, ahli intelektual atau ilmuwan, seperti alim ulama (pewaris nabi), agamawan, pakar perubatan, pakar geografi, pakar ekonomi dan pakar sains. Tokoh ilmuwan ini dapat dirujuk sebagai orang yang berautoriti dan diakui kewibawaannya dalam bidang tertentu. Menurut Khalif Muammar A. Haris (2012), pandangan dan pendapat yang diberikan oleh ilmuwan yang berautoriti ini sangat penting bagi memastikan kefahaman tentang ilmu agama Islam ini dapat diperjelas dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Selain itu, peranan tokoh berautoriti, seperti ulama, pakar bidang atau cendekiawan, juga mampu mempamerkan nilai kesantunan berbahasa untuk memastikan setiap ujaran yang diberikan bersumberkan maklumat sebenar. Paparan data strategi sumber rujukan ilmuwan dalam kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 4.

Jadual 4 Data strategi sumber rujukan ilmuwan.

Bil.	Petikan	Nama Tokoh/ Karya	Penjelasan
1.	Imam al-Ghazali menyatakan bahawa hati yang bersih ...	Imam al-Ghazali	Mengukuhkan hujah tentang hati dan ilmu.
2.	Imam Syafie berkata, ilmu itu cahaya ...	Imam Syafie	Menegaskan kepentingan kebersihan rohani.
3.	Ibnu Qayyim dalam kitabnya <i>Madarij al-Salikin</i> ...	Ibnu Qayyim al-Jauziyyah	Menjelaskan konsep sabar dalam menuju kepada Allah.
4.	Syeikh Abdul Qadir al-Jailani berkata ...	Abdul Qadir al-Jailani	Menegaskan kepekaan terhadap perkara syubhah.
5.	Para ulama dahulu sangat menitikberatkan soal adab sebelum ilmu.	Ulama Islam (umum)	Membawa pandangan kolektif ulama dalam konteks adab.

sambungan **Jadual 4** Data strategi sumber rujukan ilmuwan.

Bil.	Petikan	Nama Tokoh/ Karya	Penjelasan
6.	Ulama tafsir mentafsirkan ayat ini sebagai seruan kepada umat Islam ...	Ulama tafsir (tidak dinyatakan)	Menyokong tafsiran ayat dengan rujukan autoritatif.
7.	Dalam kitab <i>Ihya' Ulumuddin</i> , al-Ghazali menekankan keikhlasan ...	Al-Ghazali	Rujukan teks klasik yang berkaitan dengan keikhlasan.
8.	Rujukan kepada Tafsir al-Kabir oleh Imam Fakhruddin al-Razi ...	Fakhruddin al-Razi	Menyokong pentafsiran ayat al-Quran.

Jadual 4 memperlihatkan penggunaan strategi sumber rujukan ilmuwan yang merujuk tokoh ulama atau karya klasik Islam sebagai asas pengukuhan hujah. Rujukan ini melibatkan ulama muktabar, seperti Imam al-Ghazali, Imam Syafie, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dan Imam Fakhruddin al-Razi, selain rujukan umum ulama Islam dan ulama tafsir. Penerapan strategi sumber rujukan ilmuwan ini berperanan sebagai sumber autoritatif sekunder bagi melengkapi rujukan primer daripada al-Quran dan hadis. Pandangan ulama digunakan untuk menghuraikan aspek rohani, seperti kebaikan hati, keikhlasan, kesabaran dan adab, yang sukar dijelaskan melalui petikan nas secara literal. Sebagai contoh, rujukan karya klasik, seperti *Ihya' Ulumuddin*, *Madarij al-Salikin* dan *Tafsir al-Kabir*, dalam teks khutbah menegaskan kesahihan hujah melalui sandaran tokoh ulama yang diiktiraf.

Selain itu, penggunaan strategi sumber rujukan ilmuwan ini turut berfungsi sebagai strategi pemujukan yang berasaskan autoriti intelektual. Petikan pandangan daripada tokoh yang dihormati ini mampu meningkatkan kredibiliti mesej dan mengurangkan ruang penolakan oleh pendengar. Misalnya, “Para ulama dahulu sangat menitikberatkan” dan “Ulama tafsir mentafsir ayat ini” memperlihatkan strategi generalisasi autoritatif, iaitu pandangan kolektif yang diterima sebagai persetujuan bersama (konsensus) dalam bidang agama. Secara keseluruhan, strategi sumber rujukan ilmuwan ini berperanan penting untuk memperdalam hujah, menjelaskan konsep abstrak serta membina legitimasi wacana dakwah dalam teks khutbah. Pendekatan ini dapat menghubungkan mesej semasa dengan pandangan tokoh ilmuwan Islam, serta memperkukuh keberkesanan penyampaian dan penerimaan pendengar.

Strategi Sumber Rujukan Buku

Buku merupakan satu daripada sumber rujukan utama dalam pemerolehan ilmu. Penerapan strategi sumber rujukan buku ini dapat memberikan nilai kebenaran yang tinggi kerana lebih bersifat dokumentasi dan dapat diperiksa semula. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abd Ganing Laenggang (2019), iaitu nilai kesantunan tidak bergantung pada kelembutan dan kehalusan suara, sebaliknya bergantung pada kebenaran dan kejujuran maklumat yang ingin disampaikan. Hal ini seterusnya menepati model kesantunan yang diperkenalkan oleh Grice (1975) melalui prinsip kerjasama yang menekankan konsep kebenaran. Prinsip kerjasama ini menekankan kejujuran dan memerlukan penutur untuk memberikan maklumat yang diyakini benar dan tidak menyatakan sesuatu yang kurang pasti tahap kebenarannya berlandaskan maksim kualiti (Wan Azni Wan Mohamad et al., 2019).

Strategi sumber rujukan ini merupakan karya bertulis, seperti kitab, buku akademik atau teks klasik, yang dapat dijadikan sebagai sandaran ucapan ketika menyampaikan maklumat. Dengan berdasarkan padanan ayat dalam teks khutbah, didapati bahawa terdapat tiga data kajian yang menggunakan strategi ini, iaitu rujukan daripada buku *Ihya' Ulumuddin*, *Madarij al-Salikin* dan *Tafsir al-Kabir*. Data strategi sumber rujukan buku tersebut dapat dilihat dalam Jadual 5.

Menerusi Jadual 5 didapati bahawa penggunaan strategi sumber rujukan buku secara khusus merujuk karya bertulis klasik dalam agama

Jadual 5 Data strategi sumber rujukan buku.

Bil.	Petikan	Judul Buku	Penjelasan
1.	Dalam kitab <i>Ihya' Ulumuddin</i> , al-Ghazali menekankan keikhlasan ...	<i>Ihya' Ulumuddin</i>	Rujukan teks klasik yang membincangkan aspek keikhlasan dalam ibadah.
2.	Ibnu Qayyim dalam kitabnya <i>Madarij al-Salikin</i> ...	<i>Madarij al-Salikin</i>	Rujukan buku yang membicarakan kedudukan spiritual dalam perjalanan menuju Allah.
3.	Rujukan kepada <i>Tafsir al-Kabir</i> oleh Imam Fakhruddin al-Razi ...	<i>Tafsir al-Kabir</i>	Kitab tafsir yang digunakan untuk menghuraikan maksud ayat al-Quran.

Islam. Ketiga-tiga data rujukan ini memperlihatkan kebergantungan teks khutbah terhadap sumber bertulis yang mempunyai autoriti ilmiah dan nilai rujukan yang tinggi. Strategi sumber rujukan buku ini digunakan untuk memperincikan dan mengabsahkan huraian konsep keagamaan yang bersifat abstrak, seperti keikhlasan, perjalanan spiritual dan pentafsiran ayat al-Quran. Secara umum, strategi sumber rujukan buku lebih menyediakan asas epistemologi yang sistematik dan mendalam, serta dapat meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan teks jika dibandingkan dengan strategi sumber rujukan umum dan sejarah.

Strategi Sumber Rujukan Media

Strategi sumber rujukan yang seterusnya merujuk laporan media, seperti laporan akhbar atau siaran berita. Strategi ini biasanya digunakan untuk memerihalkan laporan semasa atau isu semasa berlandaskan saluran media yang berautoriti. Strategi sumber rujukan ini digunakan untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan dengan gejala atau fenomena yang berlaku. Strategi ini kebanyakannya bersumberkan laporan media arus perdana, seperti berita Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan akhbar tempatan. Contoh data strategi sumber rujukan media ini ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Data strategi sumber rujukan media.


Bil.	Petikan	Sumber Media	Penjelasan
1.	Laporan media arus perdana melaporkan peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja ...	Media arus perdana	Rujukan sumber semasa yang menggambarkan isu semasa masyarakat.
2.	Menurut laporan berita RTM mengenai kempen kesedaran Islam ...	Berita RTM	Rujukan laporan media kerajaan tentang perkembangan dakwah.
3.	Akhbar tempatan turut melaporkan kejadian yang berkaitan dengan kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat ...	Akhbar tempatan	Rujukan media cetak mengenai realiti sosial semasa.

Jadual 6 memperlihatkan penggunaan strategi sumber rujukan media yang merujuk penggunaan laporan daripada media arus perdana, media kerajaan dan akhbar tempatan sebagai sumber sokongan teks khutbah. Rujukan ini berasaskan maklumat semasa yang dilaporkan oleh institusi media yang mengaitkan mesej atau maklumat yang disampaikan dengan realiti terkini masyarakat. Strategi sumber rujukan media ini juga turut berperanan sebagai pengesahan empirikal terhadap isu semasa yang berlaku bagi mengaitkan isu perbincangan dalam teks khutbah.

Misalnya, laporan yang berkaitan dengan peningkatan gejala sosial, kempen kesedaran Islam dan kejadian kemungkaran digunakan untuk menunjukkan bahawa permasalahan yang diketengahkan bukanlah bersifat andaian, sebaliknya disokong oleh fakta yang dilaporkan oleh media arus perdana. Hal ini mengukuhkan kekuatan hujah dengan mengaitkan wacana dakwah dengan bukti sosial yang dapat disahkan. Secara keseluruhan, analisis Jadual 6 ini menunjukkan bahawa strategi sumber rujukan media berfungsi sebagai jambatan antara wacana normatif dengan realiti semasa dengan memanfaatkan laporan media sebagai sumber sokongan yang relevan dan mudah dipersetujui oleh pendengar. Strategi ini dapat membantu pendengar untuk menjadikan mesej lebih kontekstual, berfakta dan berkesan bagi mempengaruhi penerimaan khalayak.

PERBINCANGAN

Menurut Norazlinda Mohammad (2021), penyampaian maklumat yang salah atau menyimpang daripada kebenaran memberikan kesan buruk terhadap seluruh masyarakat dan mampu mencetuskan keadaan huru-hara, menggugat perpaduan kaum dan keamanan rakyat Malaysia sekiranya tidak disampaikan dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika. Pada masa yang sama, pemilihan strategi yang bersesuaian ini dapat memastikan nilai kesantunan dapat dipenuhi pada tahap yang tinggi. Menerusi penerapan strategi sumber rujukan ini, setiap pendengar dapat memperoleh maklumat yang sebenar, seterusnya menghindari keraguan ketika teks khutbah dibaca oleh khatib. Hal ini disokong oleh Noriati Abdul Rashid (2013) yang menyatakan bahawa strategi sumber rujukan mampu menjadikan sesuatu ujaran tersebut sukar dipertikaikan dan merupakan satu daripada teknik kesantunan untuk memastikan pendengar bersetuju dengan hujah yang diberikan. Dengan berdasarkan statistik pengelompokan data kajian, pengkaji mengklasifikasikan strategi sumber rujukan yang berjaya ditemukan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Statistik strategi sumber rujukan kesantunan dalam teks khutbah.

Dengan berdasarkan Rajah 1, pengkaji berjaya menemukan sebanyak enam strategi sumber rujukan yang digunakan dalam teks khutbah. Strategi sumber rujukan ilmuwan menunjukkan statistik penggunaan yang lebih dominan berbanding dengan rujukan lain, iaitu sebanyak 26.7%. Kedudukan seterusnya diikuti oleh strategi sumber rujukan Islam (23.3%), strategi sumber rujukan umum (16.7%), strategi sumber rujukan sejarah (13.3%), serta strategi sumber rujukan media (10%) dan strategi sumber rujukan buku (10%).

Penggunaan strategi sumber rujukan ilmuwan memperlihatkan kebergantungan teks khutbah terhadap pandangan tokoh berautoriti, seperti Imam al-Ghazali, Ibnu Qayyim dan Buya Hamka, ketika menyampaikan isu terkini dalam khutbah Jumaat. Sebagai contoh, penggunaan ayat “Para ulama dahulu sangat menitikberatkan ...” dan “Ulama tafsir mentafsir ayat ini ...” ini memperlihatkan strategi generalisasi autoritatif, iaitu pandangan kolektif yang diterima sebagai konsensus keilmuan. Selain itu, strategi sumber rujukan ilmuwan ini juga berperanan penting untuk memperdalam hujah dengan menjelaskan konsep abstrak dan membina legitimasi dalam wacana dakwah.

Selain itu, strategi sumber rujukan Islam turut mencatatkan peratusan tinggi, iaitu sebanyak 23.3%, yang merangkumi petikan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW, seperti “Firman Allah dalam Surah al-Isra’...” atau “Sabda Rasulullah SAW ...”. Data ini membuktikan bahawa teks khutbah

ini banyak disandarkan pada sumber primer, seperti petikan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW. Strategi sumber rujukan Islam ini memperlihatkan nilai kesantunan dan keabsahan teks khutbah, serta menghindari maklumat yang tidak sahih. Rujukan al-Quran lebih cenderung digunakan dalam teks khutbah untuk menetapkan prinsip asas dan garis panduan normatif, seperti aspek persaudaraan, etika sosial dan amanah, manakala rujukan hadis Nabi SAW pula berperanan untuk melengkapkan prinsip tersebut melalui contoh moral, nilai akhlak dan gambaran praktikal tentang kehidupan bermasyarakat.

Seterusnya, penggunaan strategi sumber rujukan umum (16.7%) dan strategi sumber rujukan sejarah (13.3%) memperkuat penyampaian mesej khutbah secara kontekstual. Strategi sumber rujukan umum dapat dilihat menerusi penggunaan ayat, “Kita semua tahu ...”, “ramai yang tahu ...”, “Kita semua melihat ...” dan “Sedia maklum bahawa ...”. Pernyataan yang bersifat umum ini membolehkan khatib membina kesepakatan awal dengan pendengar berkenaan isu yang diketengahkan. Penggunaan kata, seperti “Dalam sejarah Islam ...”, “Kisah penghijrahan Nabi SAW dari Mekah ke Madinah ...” dan “Ketika zaman Saidina Umar al-Khattab ...” pula menunjukkan penggunaan strategi sumber rujukan sejarah. Pendekatan strategi ini bukan sahaja memperkaya kandungan wacana, malah membantu pendengar untuk memahami mesej melalui analogi dan kisah teladan yang berlaku sebelum itu.

Strategi selanjutnya ialah rujukan media dan rujukan buku yang menunjukkan peratusan yang sama, iaitu 10%. Penggunaan strategi sumber rujukan media merujuk laporan daripada media arus perdana, media kerajaan dan akhbar tempatan sebagai sumber sokongan ucapan. Strategi sumber rujukan media ini berasaskan maklumat semasa yang dilaporkan oleh institusi media yang mengaitkan mesej atau maklumat yang disampaikan dengan realiti kontemporari masyarakat. Penggunaan strategi sumber rujukan buku pula memperlihatkan penggunaan sumber primer, seperti karya bertulis klasik dalam agama Islam bagi meningkatkan kesahihan maklumat. Strategi sumber rujukan buku ini berperanan penting untuk memperkukuh wacana dakwah melalui sokongan teks bertulis yang sahih. Pendekatan ini bukan sahaja menambah kedalaman teks khutbah, malah meningkatkan kredibiliti khatib dan keyakinan pendengar terhadap mesej yang disampaikan.

Menerusi penelitian kajian ini, pengkaji mencadangkan pengelasan baharu berbanding dengan strategi sumber rujukan yang dikemukakan oleh Noriati Abdul Rashid (2013). Pengelasan tersebut dibentuk

berdasarkan penyesuaian terhadap data kajian yang memfokuskan teks khutbah Jumaat, manakala kajian Noriati Abdul Rashid tertumpu pada data ujaran dalam majlis pertunangan masyarakat Melayu. Perbezaan dari segi konteks wacana, tujuan komunikasi dan ciri genre antara kedua-dua jenis data ini memperlihatkan keperluan untuk mengubah suai kategori sumber rujukan agar lebih selaras dengan sifat dan fungsi bahasa dalam teks khutbah Jumaat. Oleh itu, pengelasan yang dicadangkan dalam kajian ini bukan sahaja melengkapkan kerangka strategi sumber rujukan sedia ada, malah diharapkan dapat menyumbang pementapan analisis kesantunan berbahasa, khususnya dalam kajian yang melibatkan data keagamaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa strategi sumber rujukan kesantunan berperanan penting dalam pengukuhan kredibiliti, ketepatan maklumat dan nilai integriti ucapan dalam teks khutbah Jumaat. Penggunaan strategi sumber rujukan yang pelbagai, seperti rujukan ilmuwan dan rujukan Islam yang dominan, memperlihatkan usaha penyedia teks khutbah untuk menyampaikan mesej dakwah yang bersandarkan sumber berautoriti dan sahih, sekali gus menepati prinsip kesantunan dalam kategori sumber rujukan (Noriati Abdul Rashid, 2013). Hasil penemuan enam strategi yang digunakan dalam teks khutbah ini menguatkan nilai kesantunan berbahasa menerusi pengamalan kesahihan maklumat yang ingin disampaikan. Selain itu, strategi sumber rujukan ini bukan sahaja dilihat sebagai alat penyokong hujah, tetapi juga cerminan amalan komunikasi yang santun dan berbentuk mendidik selaras dengan aspirasi khutbah Jumaat sebagai medium pembentukan sahsiah masyarakat Islam.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTMM) atas sokongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dilaksanakan.

SUMBANGAN PENGARANG

Khairul Ashraaf Saari: Pengarang yang bertanggungjawab dalam penulisan pengenalan, penulisan analisis kajian, interpretasi data, penyediaan makalah akhir dan penghantaran makalah akhir; Nur Fairuz Ahmad Fuad: Pengarang yang bertanggungjawab dalam penulisan definisi khutbah Jumaat dan reka bentuk kajian.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden (Khairul Ashraaf Saari) atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laenggang, Ab Razak Ab Karim, & Riduan Makhtar. (2019). Strategi sumber rujukan dan kesantunan dalam forum wacana *Sinar Harian*. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 1(1), 1–17. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v1i1.19>
- Abu-Bakr Imam Ali-Agan. (2016). An appraisal of Shaykh Kishk's khutbah presentation. *Intellectual Discourse*, 24(1), 157–169. <https://doi.org/10.31436/id.v24i1.747>
- Abu Mohd Jibril Abdur Rahman. (1986). *Wanita solihah: Ciri-ciri dan fungsinya*. Pustaka Syuhada.
- Abzahir Khan, Karim Dad, & Muhammad Sallem. (2021). Theolinguistic analysis of Friday's Sermons. *Webology*, 18(5), 3934–3942.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2005). Siri khutbah Jumaat dalam majalah *Pengasuh: Tinjauan terhadap tajuk dan gaya penulisan*. *Jurnal Usuluddin*, 22(7), 121–136. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4235>
- Brown, R., & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some universal in language usage*. Cambridge University Press.
- Fumerton, R. (2006). The epistemic role of testimony: Internalist and externalist perspectives. Dlm J. Lackey, & E. Sosa (Pnyt.), *The epistemology of testimony*. Oxford University Press.
- Grice, H. P. (1975). Syntax and semantics. Dlm. P. Cole, & J. Morgan (Pnyt.), *Logic and conversation*. Academic Press.
- Kalthum Ibrahim, & Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan bahasa dalam rancangan bual bicara *MeleTOP*: Satu kajian sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 60–68. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/25>
- Kamsani Md Saad. (2021). Tinjauan dan analisa kandungan teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). *International Conference on Syariah & Law 2021(ICONSYAL 2021)*(hlm. 108–120).

- Khalif Muammar A. Haris (2012). Pandangan Islam terhadap tradisi dan kemodenan. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 23–48. <https://journalarticle.ukm.my/5329/>
- Khazri Osman, & Wan Nur Alia Najwa Wan Azman. (2024). Analisis penggunaan kata sendi nama ‘di’ dalam teks khutbah Jumaat negeri Terengganu tahun 2024. *Prosiding Seminar Komunikasi Islam (SKIS) 2025*. Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3, 7–20.
- Melor Fauzita Md Yusoff, & Nor Hafidah Ibrahim. (2023). Cerminan kesantunan berbahasa dari aspek kata ganti nama diri dalam dokumen pengurusan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(58) [Isu khas], 187–201.
- Mizzuan Jafilus, Mohd Faisal Asha’ari, & Rosmawati Rasit. (2021). Thematic analysis of the content of the Friday sermon in Negeri Sembilan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 84–98.
- Mohd Al Adib Samuri, & Hopkins, P. (2017). Voices of Islamic authorities: Friday khutba in Malaysian mosques. *Islam and Christian–Muslim Relations*, 28(1), 47–67. <https://doi.org/10.1080/09596410.2017.1280916>
- Mohd Azizon Noordin, & Zulkefli Haji Aini. (2017). Persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). *Al-Hikmah*, 9(2), 154–166. <https://journalarticle.ukm.my/11209/>
- Mohd Fadzilah Kamsah. (1991). Membudayakan kecemerlangan dalam penyampaian khutbah: Satu kajian di negeri Pahang Darul Makmur. *Jurnal Komunikasi*, 37–46. <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/585165>
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2023). Tema khutbah Jumaat perlu disegarkan jadi lebih relevan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/amp/rencana/agama/2023/06/1109119/tema-khutbah-jumaat-perlu-disegarkan-jadilebih-relevan>.
- Norazlinda Mohammad. (2021). Komunikasi, kesan penyebaran maklumat dan kesahihannya dalam kalangan pengguna media baharu. Dlm. Norazlinda Mohammad, Liza Marziana Mohammad, Aidah Alias, & Farihan Zahari (Pnyt.), *Komunikasi, Peradaban dan Budaya* (hlm. 102–120). Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Cawangan Melaka.
- Noriati Abdul Rashid. (2013). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriati Abdul Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232–253. <https://eprints.um.edu.my/11201/>

- Nur Amiera Adzreen Mohd Azahar, & Nur Farhana Abdul Rahman. (2022). Hak dan kedudukan wanita dalam Islam: Tumpuan pada konsep kesamarataan gender. *International Journal of Religion, Arts and Humanities (IJRAH)*, 1, 141–153. <https://www.ukm.my/ijrah/wp-content/uploads/2022/12/Vol-1- Dec-2022-141-153-Nur-Amiera-Adzreen-The-Right-and-Position-Of-Women-In-Islam-Focus-On-The-Concept-Of-Gender-Equality.pdf>
- Reva Sgeptiya Anjani. (2023). Al-Qur'an dan hadist sumber hukum dan pedoman hidup umat Muslim. *Jurnal Religion: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*, 2(6), 531–541. <https://doi.org/10.55606/religion.v1i6.768>
- Siti Fatimah Awang. (2021, 4 April). JAKIM sentiasa pastikan khutbah Jumaat ikut isu semasa. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/131920/BERITA/Nasional/Jakim-sentiasapastikan-khutbah-Jumaat-ikut-isu-semasa>
- Soleh Abdullah Hamid. (1999). *Manhaj fi i'dad hhutbah al-Jumu'ah*. Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa Awqat wa Da'wah wal Irshad.
- Sulaiman Nordin. (1995). *Islam, al-Quran dan ideologi masa kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azni Wan Mohamad, Nur Faraliana Mohd Ghani, Nor Hayati Abd Husain, & Fauzilah Md. Husain. (2019). Kajian pelanggaran prinsip kerjasama Grice dalam rancangan muzik lawak *Superstar 2019*. *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*, 160–166. <https://eprints.usm.my/46538/>
- Yusuf Hamdan. (2007). Karakteristik khutbah Jumat di Mesjid Kampus: Perspektif komunikasi. *Jurnal Komunikasi Mediator*, 8(2), 353–368.